

19 JUNE 2000

SINGAPURA-NOL

KETUA NOL PERTAHAN KEPUTUSAN PINDAH KONTENA KE TANJUNG PELEPAS

SINGAPURA, 19 Jun (Bernama) -- Flemming Jacobs, ketua eksekutif syarikat perkapalan kebangsaan Singapura, NOL Group, mempertahankan tindakan yang diambil oleh cabang perkapalan kontenanya, APL, untuk menggunakan pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Malaysia.

Dalam satu temubual dengan Business Times, Jacobs menyangkal tanggapan bahawa langkah NOL itu akan mencetuskan penghijrahan beramai-ramai dari pelabuhan Singapura.

"Ia adalah satu keputusan komersil untuk menempatkan perkhidmatan WAX kami di PTP berasaskan kepada peluang untuk meletakkan kelengkapan bagi pasaran tempatan dan pasaran lain yang lebih menjimatkan serta mengambil kesempatan daripada lebih banyak laluan secara terus," katanya.

"PTP dibina dengan baik dan mempunyai ruang yang luas dan reka bentuk yang sempurna beserta dengan kelengkapan yang canggih dan moden. Kami menjangkakan ia akan lebih cekap dan efektif daripada segi kos. Kami tidak ragu-ragu jika syarikat pengangkut utama serta pengusaha terminal lain juga berminat untuk mendapatkan perkhidmatan di PTP.

"Sesiapa juga yang mengambil bahagian dalam Fasa 1 pembangunan Pelepas, pastinya akan mengurangkan perniagaan dari Singapura terutama kuantiti pindahan kargo," tambah Jacobs.

BT melaporkan tindakan itu mengejutkan banyak pihak dalam komuniti perkapalan tempatan dan menimbulkan persoalan sama ada syarikat perkapalan lain ketika ini menggunakan pelabuhan Singapura akan mengikut jejak langkah NOL dan berpindah ke PTP.

BT menyatakan beberapa pegawai Singapura adalah antara yang terkejut dengan tindakan NOL itu,

APL, yang memeterai perjanjian untuk menempatkan perkhidmatan mingguan West Asia Express (WAX) di PTP, adalah pengusaha ketiga terbesar yang berjaya di pelabuhan Johor itu selepas Maersk-Sealand dan Mitsui OSK Line.

Apabila ditanya sama ada keputusan NOL itu dibuat kerana sekarang ia dikendalikan kebanyakannya oleh orang luar, Jacobs berkata, "Sudah menjadi tanggungjawab mana-mana pengurusan untuk meningkatkan nilai pemegang sahamnya. Ia termasuklah faedah kecekapan kos serta kepada pelanggannya.

PTP, yang menelan kos RM2.4 bilion ringgit dan terletak hanya beberapa kilometer dari Singapura, dibuka secara rasmi pada Mac tahun ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkannya sebagai pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia terutama di seletan Johor.

Fasa 1 projek itu dengan dua dermaga dengan ukuran sepanjang 2.16 meter memulakan operasinya pada Oktober tahun lalu. Apabila siap sepenuhnya, ia akan mempunyai enam dermaga.

-- BERNAMA

TCL ZK MA